

Kaji semula perjanjian lapuk

Malaysia perlu kemuka cadangan menang-menang antara kedua-dua belah pihak

Sinar Harian - 7/11/2020
(MIS 3)
SHAH ALAM



Singapura membayar sebanyak 3 sen untuk 1,000 gelen air mentah dari Malaysia.

Singapura sejak tahun 1998.

Menteri Luar, Saifuddin Abdullah sendiri baru-baru ini mendedahkan Malaysia menanggung subsidi berjumlah RM2.4 bilion sejak perjanjian itu dimeterai, bersamaan dengan RM42 juta setahun atau RM100,000 sehari apabila menjual air ke Singapura.

Sementara itu, Timbalan Pengarah Institut Sains Samudera dan Bumi Universiti Malaya, Prof Datuk Dr Azizan Abu Samah turut senada dengan Salleh yang mahukan perjanjian itu dikaji semula.

Menurutnya, mengambil kira harga air kini yang semakin meningkat jika dibandingkan pada 1962, beliau merasakan sepatutnya Malaysia menjual air mentah ke Singapura pada harga yang lebih tinggi.

“Saya memang setuju kalau kita runding semula perjanjian ini. Mengapa kita menjual pada kadar rendah sedangkan rakyat kita sendiri bayar mahal. Sepatutnya kita menjual air mengikut harga pasaran,” katanya.

Jelasnya, perjanjian tersebut mungkin kelihatan baik pada zaman ia dimeterai namun selepas beberapa dekad, ia perlu dikaji semula.

kedua-dua negara.

“Saya tahu Malaysia memang berhasrat dan rakyat pun mahu ia dirunding semula. Soalnya sekarang adakah Singapura akan bersetuju.

“Kita nak ajak orang berunding, kita perlu beritahu apa kita boleh beri supaya mereka datang dan dua-dua dapat situasi menang-menang,” katanya.

Berdasarkan rekod, Malaysia telah menggerakkan usaha untuk mengkaji semula harga air mentah yang dijual kepada


sen yang dikenakan Malaysia, Salleh merasakan kadar tersebut tidak munasabah, namun disebabkan perjanjian yang dimeterai itu, Malaysia terpaksa menerimanya.

“Memang mengikut perkiraan kita, kadar 3 sen untuk 1,000 gelen air itu tidak logik dan tidak munasabah.

Cuma disebabkan ikatan perjanjian itu, kalau seberang sana tidak mahu berubah, tidak mahu berganjak, dia memang ada hak begitu sebab itu memang ada dalam perjanjian.

“Cuma kita mengharapkan Singapura lebih munasabah,” katanya.

Bagaimanapun, Salleh menegaskan sekiranya kedua-dua negara bersetuju untuk melakukan rundingan semula, mereka perlu memastikan wujudnya situasi menang-menang buat



SALLEH BUANG

“Perjanjian yang kita buat itu dalam tempoh, zaman yang telah lama berlalu. Jadi, logiknya bila ada perubahan atau sesuatu keadaan, memang ada dasarnya untuk kedua-dua negara berunding semula.

“Saya setuju kalau Malaysia runding semula. Apa-apa perjanjian baik negara kita atau negara lain yang dah lama, dah lapuk, dah usang, dibuat pada zaman dulu memang wajar dirunding semula,” katanya kepada *Sinar Harian* di sini semalam.

Mengulas mengenai kadar 3

Perbandingan harga jualan air mentah antara negara (harga bagi setiap 1,000 gelen)

Negara	Kadar harga
Malaysia - Singapura	3 sen
China ke Hong Kong	RM14.50
China ke Macau	RM6.80
China ke Taiwan	RM5.80
Turki ke Cyprus	RM10.37

Maklumat ini dimaklumkan oleh Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli, Datuk Dr A Xavier Jayakumar di Parlimen Malaysia pada 12 November 2019

Inti pati Perjanjian Air Sungai Johor 1962

Perjanjian awal Air Singapura-Johor 1927

- Ditandatangani pada 5 Disember 1927 antara Sultan Johor, Sultan Ibrahim II dengan Pesuruhjaya Jabatan Air Perbandaran Singapura, David J Murnane.
- Singapura menyewa tanah di Johor dan menggunakan air secara percuma.
- Bagaimanapun, perjanjian itu kemudiannya terbatal dan tidak lagi diguna pakai.

Perjanjian Air Singapura- Johor 1961

- Singapura berhak mendapatkan 86 juta gelen air sehari sehingga tahun 2011.
- Singapura membina empangan di Sungai Linggiu di Johor bagi memproses sendiri air dan menaikkan kapasiti air.
- Singapura bayar pampasan RM320 juta kepada Malaysia.
- Petroliam Nasional Bhd diberi kontrak membekal gas asli dari Terengganu ke Singapura.
- Perjanjian tamat tempoh pada 2011.

Perjanjian Air Sungai Johor 1962

- Dalam perjanjian air kedua, Singapura mendapatkan 250 juta gelen air dari Sungai Johor sehingga tahun 2061 pada harga 3 sen bagi setiap 1,000 gelen.
- Singapura menjual semula bekalan air dirawat kepada Malaysia pada harga 50 sen bagi setiap 1,000 gelen.